

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: UUM CORPORATE COMM.
Sent: Thursday, July 18, 2019 3:27 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: 'Love, Happiness And Mutual Respect' Jadikan Keluarga UUM Sihat, Berdaya Saing



UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

18 JULAI 2019 / 15 ZULKAEDAH 1440H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: Nordiana Shafiee
Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

LOVE, HAPPINESS AND MUTUAL RESPECT JADIKAN KELUARGA UUM SIHAT, BERDAYA SAING



UUM ONLINE: Dengan tema '*Love, Happiness and Mutual Respect*' diharap dapat merealisasikan hasrat universiti untuk menjadi sebuah keluarga besar yang sihat dan berdaya saing tinggi.

Naib Canselor, Prof. Dr. Ahmad Bashawir Abdul Ghani berkata, hasrat tersebut boleh digapai dengan adanya persefahaman dan jalinan kerjasama semua peringkat pengurusan yang saling melengkapi antara satu sama lain.

Menurutnya, kesedaran elemen kasih sayang (*Love*), kegembiraan (*Happiness*) dan saling menghormati (*Mutual Respect*) tanpa mengira di mana sahaja semua berada, sama ada di tempat kerja atau di rumah akan membantu warga UUM untuk bersama-sama bergerak ke hadapan dengan lebih yakin dan bergaya.

"Di samping itu, saya juga ingin mengingatkan semua supaya sentiasa menganggap UUM sebagai rumah sendiri yang mana universiti ini menjadi tempat kita memulakan karier dan juga mengakhiri kerjaya untuk mencari rezeki.

"Sehubungan itu, bagi mengerat ukhuwah dan persaudaraan sesama kita, perhimpunan bulanan kali ini diharap dapat memupuk persahabatan di tempat kerja agar berterusan sampai bila-bila dan pada masa sama semua staf dapat menerokai keindahan alam di UUM," katanya pada Perhimpunan Bulanan di Restoran Tasik, pagi tadi.

Beliau juga mengingatkan staf berusia 40 tahun ke atas untuk menjalani pemeriksaan profil kesihatan kerana sehingga kini hanya 70 peratus sahaja yang telah berbuat demikian.

Menurutnya, staf yang didapati mengingkari arahan, pengurusan universiti tidak teragak-agak untuk mengambil tindakan disiplin kerana pemeriksaan profil kesihatan ini adalah wajib demi memastikan kesihatan staf dalam keadaan baik.

"Universiti amat memandang serius tentang masalah kesihatan staf kerana ia melibatkan kualiti kerja seseorang dan sekiranya kita mempunyai tahap kesihatan yang baik, sudah pasti dapat melakukan kerja dengan lebih efisien.

"Selain itu, saya juga berharap semua staf dapat datang awal ke pejabat bagi mengelak sebarang kemalangan berlaku ketika masing-masing dalam keadaan bergegas untuk *'thumb in'* atau terkejar-kejar masa bagi mengelak rekod kehadiran menjadi merah," katanya.

Tambah beliau, staf juga diharap tidak menggunakan alasan menguruskan persekolahan anak-anak pada awal pagi sehingga menyebabkan mereka tidak dapat datang ke pejabat lebih awal.

Pada perhimpunan itu, Naib Canselor turut menyampaikan hadiah kepada pemenang bagi Karnival Sukan Staf 2019 yang berlangsung pada 3 hingga 6 Julai lalu di Pusat Sukan.

Pasukan Nurul Huda telah menjadi juara keseluruhan karnival, diikuti tempat kedua Nicol David, tempat ketiga Mokhtar Dahari, tempat keempat Jegathesan dan tempat kelima Misbun Sidek.

Selain itu, beliau juga menyerahkan bendera kontinjen UUM kepada wakil universiti terdiri 132 atlet bersama 10 jurulatih dan sembilan pegawai yang akan menyertai Karnival MASUM 2019 di Universiti Malaysia Pahang (UMP) pada 23 Julai hingga 4 Ogos.

Sepanjang perhimpunan bulanan ini juga, pelbagai aktiviti riadah dijalankan antaranya zumba, basikal, kayak, permainan tradisional dan fiesta buah-buahan tempatan.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.